

**SESI LIBAT URUS BERSAMA
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS
2021-2025, (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH
YB SENATOR DR. RADZI JIDIN
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**22 OGOS 2019
MENARA SERI WILAYAH, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warohmatullahiwabarakatuh

Terima kasih Puan Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Abd. Samad

Menteri Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Zari Hamat

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Pegawai-pegawai kanan kedua-dua Kementerian

Ketua –ketua Agensi Kementerian Wilayah Persekutuan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam daripada YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi kerana beliau tidak dapat bersama dengan kita dalam program libat urus pada hari ini. Untuk makluman tuan puan sekalian, sesi ini merupakan sesi yang kedua belas libat urus melibatkan semua negeri seluruh Malaysia.
2. Kita bermula dari Melaka, kemudian kita ke Johor, kemudian kita naik ke Perak, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan dan hari ini di Wilayah Persekutuan.
3. Ini adalah satu usaha dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk memastikan Rancangan Malaysia Kedua Belas merupakan satu dokumen yang komprehensif mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak. Bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri. Bukan sahaja daripada Wilayah. Tetapi juga dari pihak industri, akademia dan dari semua pihak yang berkepentingan. Demi memastikan bahawa *approach* ataupun pendekatan yang diambil bukan sahaja *top down approach* dari atas terus ke bawah. Tetapi juga *bottom up approach* mengambil kira pandangan semua pihak.

4. Kita inginkan dokumen RMKe-12 yang akan dibentangkan suku ketiga tahun hadapan merupakan satu dokumen milik seluruh rakyat Malaysia. Ini bukan dokumen milik MEA. Ini bukan dokumen milik Kerajaan Persekutuan semata-mata. Tetapi ianya merencanakan pertumbuhan ataupun perkembangan ekonomi negara untuk tempoh lima tahun daripada 2021-2025.
5. Terima kasih YB Menteri menyebut tentang konsep Kemakmuran Bersama yang telah disentuh oleh YAB Perdana Menteri. Pertama kali YAB Perdana Menteri menyebut tentang konsep ini, adalah sewaktu pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas pada 18 Oktober tahun lepas.
6. Kemudian pada ulangtahun Pakatan Harapan pada 9 Mei, sekali lagi YAB Perdana Menteri menerangkan konsep ini lebih mendalam. Dan saya ingin mengambil peluang ini YB. Berkongsi tentang konsep Kemakmuran Bersama ini supaya kita dapat memahami semangat, *spirit behind the concept*.
7. Apabila kita bercakap tentang Kemakmuran Bersama. Matlamatnya adalah untuk melihat seluruh rakyat Malaysia

mendapat satu kehidupan yang wajar ataupun *decent standard of living by 2030 at minimum*. Seluruh rakyat Malaysia mendapat satu kehidupan yang wajar atau selesa. Nak sebut wajar dan selesa ini pun kita rujuk pada pakar Bahasa. Dan *decent standard of living* dalam Melayunya. Maka untuk mencapai hasrat tersebut terdapat 3 objektif utama.

8. Objektif pertama adalah merapatkan jurang ekonomi. Apabila kita meliha pada jurang ekonomi terdapat 4 komponen. Pertama adalah untuk merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin. Jadi jika kita lihat dalam konteks ini, siapa sahaja yang miskin Kerajaan akan mengambil tanggungjawab membantu mereka.
9. Yang kedua adalah jurang antara wilayah. Wilayah-wilayah jika kita lihat lebih daripada 40% KDNK kita adalah dari Kuala Lumpur dan Selangor. Tertumpu kepada dua wilayah ini. Dan ada wilayah-wilayah yang masih ketinggalan terkebelakang. Apabila kita bercakap tentang Kemakmuran Bersama, kita ingin mewujudkan satu keterangkuman

wilayah. Mengambil kira pembangunan seluruh pelusuk Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah.

10. Yang ketiga suka ataupun tidak, jurang ekonomi antara kaum. Hakikatnya, secara faktanya jurang ekonomi antara kaum masih jelas. Masih ketara. Dan ini tidak boleh dibiarkan kerana terdapat perbezaan asas, *baseline* yang berbeza. Apabila satu kumpulan mempunyai *baseline* yang terlalu rendah, walaupun mendapat peluang untuk meningkatkan ekonomi mereka dengan satu peratusan yang sama tetapi *baseline* yang rendah ini akan memberi kesan yang lebih kecil. RM10 dengan RM100. Kedua-dua kumpulan mendapat peluang untuk meningkatkannya sebanyak 100% daripada RM10 itu ialah RM10. 100% daripada RM100 adalah RM100. Jurang ini jika tidak ditangani akan semakin lebar. Dan inilah yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri.
11. Dan seterusnya yang keempat adalah apabila kita bercakap tentang rantaian bekalan. Rantaian bekalan ini jika kita lihat sesetengah sektor itu atau sesetengah bidang itu dikuasai oleh beberapa pihak sahaja. Ini memberi kesan bukan sahaja kepada pihak-pihak lain tetapi juga kepada pengguna secara keseluruhannya.

12. Jika kita lihat laporan terkini daripada MyCC dikeluarkan dua minggu lalu. Bercakap tentang hal harga ikan contohnya. Harga ikan dari nelayan ke pasaran. Nelayan ini yang kerja keluar pagi, siang malam ini mendapat secara umumnya sekitar RM1 sekilo. Tetapi dalam rantaian bekalan itu, yang lain mendapat jauh lebih tinggi. Sampaikan ikan kembung di pasaran sekarang RM22 sekilo. Saya ke pasar semalam, RM22 sekilo. Ikan kembung kalau dulu dikira ikan B40, tetapi sekarang agak *luxury*. Ayam baru RM8 sekilo. Ikan kembung RM22. Jadi itulah antara *report* MyCC tempoh hari apabila rantaian bekalan ini tidak atau dikawal oleh beberapa pihak sahaja. Ianya memberi kesan yang tidak baik kepada rakyat secara keseluruhannya. Itu tentang merapatkan jurang ekonomi.

13. Yang kedua objektif Kemakmuran Bersama adalah untuk membangunkan ekonomi. Menstruktur semula ekonomi. Kita hanya boleh berkongsi kemakmuran sekiranya ekonomi itu berkembang. Jika ekonomi mengucup, maka tidak ada perkongsian. Ekonomi perlu berkembang supaya kek ekonomi itu akan dinikmati oleh pelbagai lapis rakyat Malaysia dengan lebih saksama. Dan inilah yang saya sentiasa sebut. Isu utama yang kita hadapi dalam konteks

ekonomi adalah isu struktur. Struktur ekonomi. *Simple example*, setiap SLU saya bagi *this example*. Saya graduate tahun 1999. Balik dari Australia. Pasaran pekerjaan pada waktu itu gaji graduan antara RM1,500.00 ke RM2,500.00. Itu pada tahun 1999. *20 years ahead*. Kita go to the ground. Graduan ada yang sanggup terima RM1,200.00. RM1,500.00. Pada masa yang sama inflasi itu terus meningkat.

14. Jadi apabila gaji itu agak *stagnant*, inflasi itu meningkat *two lines cost* maka yang akan *suffer* adalah rakyat secara keseluruhannya. Inilah apa yang berlaku pada hari ini. Kita bercakap tentang kos sara hidup. Kos sara hidup ini ada dua komponen. Yang pertama pendapatan. Yang kedua perbelanjaan. Apabila kos perbelanjaan lebih tinggi dan pendapatan tidak meningkat. Itulah yang dihadapi oleh rakyat. Jadi inilah penekanan yang kita berikan dalam Kemakmuran Bersama supaya tumpuan diberikan kepada ekonomi yang bernilai tinggi.
15. Yang ketiga adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur dan bersatu padu, bermaruah seterusnya menjadikan Malaysia sebagai paksi ekonomi Asia. Jika kita

lihat data-data ekonomi, pertumbuhan paling pesat berlaku di negara atau di *region* ini. Maka apabila YAB Perdana Menteri menekankan inspirasi Kemakmuran Bersama ini. Ianya akan meliputi dua Rancangan Malaysia. Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Jadi apabila dibentangkan nanti antara asas utama RMKe-12 adalah Wawasan Kemakmuran Bersama.

16. Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit secara umumnya keadaan ekonomi semasa. Ini pun saya rasa semua sedia maklum. Betapa mencabarnya ekonomi kita pada hari ini. Di mana Presiden Amerika Syarikat *govern the country through twitter*. Satu *tweet can shape the whole world*.
17. Jadi itulah *uncertainty* yang perlu kita hadapi. Tetapi Alhamdulillah, kita mempunyai ekonomi yang agak *diversified* di mana pasaran eksport kita agak pelbagai. Dan barang yang dieksport juga agak pelbagai. Maka ini membentuk satu *buffer* ditambah pula dengan *fundamental* ekonomi yang kukuh. Satu perkara yang ingin saya sentuh adalah berkaitan ekonomi secara umumnya adalah berkaitan tentang keputusan EAC (Economic Action Council) yang bermesyuarat, dua mesyuarat sebelumnya. Yang

membuat keputusan supaya tempoh yang diambil untuk meluluskan. Kerajaan meluluskan permit pembinaan dipendekkan daripada 390 hari kepada 90 hari.

18. Itu adalah keputusan Majlis Tindakan Ekonomi. Apa yang berlaku pihak industri *complaint* kepada Kerajaan. Sesetengah projek kami boleh siap dalam masa kurang daripada setahun. Tetapi hendak dapat keputusan kami perlukan tiga tahun.
19. Jadi itu membolehkan ekonomi bergerak lebih pantas dan cepat, maka Kerajaan telah menumpukan kepada antara salah satunya meningkatkan kecekapan *delivery*. Dan inilah keputusan yang dibuat. Maka kita mohon supaya pihak-pihak Kementerian, agensi-agensi yang berkaitan mengambil maklum. Dan Ketua Setiausaha Negara telah sedang mengambil langkah-langkah untuk memastikan usul untuk mengurangkan tempoh untuk mendapatkan permit daripada 390 hari kepada 90 hari dapat tercapai.
20. Saya ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan pembangunan. Puan Noraini akan menjelaskan tentang pembangunan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini, cuma dari segi datanya. Kadang-kadang ada data untuk Kuala

Lumpur dan ketiga-tiga wilayah. Tapi ada data yang digabungkan. Putrajaya dengan Selangor. Ada data yang digabungkan Labuan dengan Sabah.

21. Maka kita telah berbincang, kita akan merujuk kepada pihak Jabatan Perangkaan supaya data ini dapat difokuskan kepada setiap wilayah. Jadi lebih senang untuk kita membuat sebarang polisi atau dasar yang berkaitan.
22. Di bawah *Rolling Plan 4 RMKe-11*, secara keseluruhannya. Wilayah Persekutuan telahpun diperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion. Daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan, peruntukan ini untuk melaksanakan sebanyak 86 projek baharu dan 241 projek sambungan melalui pelbagai Kementerian.
23. Ini kita bercakap tentang projek untuk keseluruhan Wilayah Persekutuan. Jadi itulah sedikit sebanyak gambaran tentang sesi libat urus ini. Saya sekali lagi ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Menteri dan seluruh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan kerana membantu kita menjayakan usaha pada sesi libat urus ini.

24. Ini merupakan satu permulaan. *This is not the end of the it.*
Kita mahu satu *engagement* yang lebih rapat supaya polisi Kerajaan Persekutuan sejaajar dengan Kerajaan Negeri dan juga wilayah-wilayah yang terlibat.
25. Ini amat penting supaya sebarang isu, sebarang perkara dapat diselesaikan dengan baik. Kadang-kadang keutamaan yang disampaikan oleh negeri-negeri, Wilayah Persekutuan ianya berbeza daripada keutamaan pihak Kementerian.
26. Jadi itulah penting satu sesi libat urus bukan sahaja di peringkat tertinggi tetapi juga di peringkat pegawai yang memerlukan satu penelitian yang lebih mendalam. Dan jika ada sebarang *feedback*, jika tidak dapat disampaikan pada hari ini. Kita masih ada masa. RMKe-12 akan dibentangkan pada suku ketiga tahun hadapan.
27. Sekali lagi YB Menteri, jutaan terima kasih saya bagi pihak MEA mengucapkan kepada seluruh warga kerja Kementerian Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.